



**TERLALU SUNTUK?** Persisi kini 'berlumba' dengan masa bagi menempah tempat bagi juara dunia Sheik Farhan dalam Team Singapura di Sukan Sea ke-28 Jun ini. - Foto TAUFIK A. KADER

## Bertarung dengan masa

Persisi ada kurang tiga bulan yakinkan SNOC tambah acara silat bagi sertakan Sheik Farhan

► **NORMAN SAWI**  
normans@sph.com.sg

JUARA dunia, Sheik Farhan Sheikh Alau'ddin, kini bertarung dengan masa bagi mewakili Singapura di Sukan Asia Tenggara (SEA) ke-28 Jun ini.

Dengan Januari hampir berakhir, Persekutuan Silat Singapura (Persisi) mempunyai kurang tiga bulan bagi menyakinkan Majlis Sukan Olimpik Singapura (SNOC) agar menambah satu lagi acara kepada 13 acara silat yang telah diluluskan.

Tarikh rayuan terakhir bagi atlet Singapura ialah 2 April, di mesyuarat jawatankuasa rayuan.

Namun Persisi bukan perlu membuat rayuan bagi penyertaan Sheik Farhan sahaja, malah penambahan satu lagi acara silat.

Di Kejohanan Pencak Silat Dunia ke-16 awal bulan ini, Sheik Farhan, 17 tahun, mencapai keputusan di luar dugaan apabila beliau menjuarai Kelas J (90-95 kilogram).

Namun, acara itu tidak dalam senarai asal acara yang disumbang Persisi kepada SNOC sekitar setahun lalu.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persisi, Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, pihaknya telah membuat rayuan secara lisan dan bertulis kepada SNOC minggu lalu.

"Tahun lalu, Sheik Farhan baru berusia 16 tahun... kami belum tahu keupayaan sebenarnya. Sebab itulah kami berharap SNOC menerima rayuan kami," kata Sheik Alau'ddin, yang juga bapa Sheik Farhan dan bekas juara dunia berganda.

Bagaimanapun, buat masa ini peluang Sheik Farhan beraksi di depan penyokong sendiri tampak tipis.

Menurut satu sumber, Persisi bukan bergelut dengan masa bagi menyakinkan SNOC sahaja, malah negara lain yang bakal bertanding.

Sheik Alau'ddin berkata rakan-rakannya dari negara lain akan memberi sokongan jika Singapura, sebagai penganjur, menambah jumlah acara.

"Ia juga peluang bagi mereka meraih pingat, bukan?" kata Sheik Alau'ddin, bertanya secara retorik.

Difahamkan selain sokongan negara lain, kos dan prasarana boleh menghambat penambahan acara.

Namun, penambahan satu acara silat tidak memerlukan sebarang tambahan ketara dari segi peralatan, prasarana atau kos bagi pihak penganjur, kata Sheik Alau'ddin.

"Kami bukan meminta tempat bagi pasukan bola sepak atau hoki. Hanya seorang pesilat sahaja," ujarnya.

Pertandingan silat dijadual diadakan di salah satu dewan Singapore Expo yang diubah suai bagi menampung sehingga 2,000 penonton.

Diminta mengulas, Sheik Farhan berkata walaupun beliau berharap dapat beraksi di Sukan SEA, perkara itu di luar tangannya dan beliau hanya boleh terus berlatih dengan gigih.

Setakat ini, Persisi telah memilih 13 pesilat yang bakal bertanding dalam 13 acara - 10 acara tanding dan tiga acara seni - di temasya sukan dari 5 hingga 16 Jun itu.

Tiga pesilat - Shakir Juanda, serta pasangan adik-beradik Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin dan Nur Shafiqah Sheik Alau'ddin - menyertai kedua acara tanding dan seni.